PP

lwn.

MOHD FAISAL SUPA'AT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
[SEMAKAN JENAYAH NO: MT(3) 43-5-2009]
3 APRIL 2009

PROSEDUR JENAYAH: *Bon jaminan - Penjamin - Permohonan menarik balik jaminan - Prinsip - Sama ada merupakan hak mutlak seorang penjamin - Tugas dan fungsi Majistret - Sama ada perlu menangani permohonan dengan kadar segera - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 323, 393*

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan - Bon jaminan - Permohonan penjamin untuk menarik balik jaminan - Penolakan - Sama ada Majistret khilaf - Sama ada tidak mengikut undang-undang - Sama ada permohonan wajar dibenarkan - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 323(1), 393*

Semakan jenayah di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') ini dibuat oleh yang arif Pesuruhjaya Kehakiman ekoran keputusan Puan Majistret menolak permohonan seorang penjamin untuk menarik balik jaminannya terhadap seorang tertuduh yang dituduh di bawah 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Fakta menunjukkan bahawa, dalam permohonan untuk menarik balik jaminannya itu, penjamin memberi alasan bahawa tertuduh seringkali mengganggunya, manakala Puan Majistret pula, dalam menolak permohonan, menyatakan bahawa jaminan tidak boleh ditarik balik dengan sewenang-wenangnya kerana tertuduh boleh dikomit ke penjara jika gagal mendapatkan penjamin yang baru. Apapun, dalam prosiding di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman di sini, penjamin memberikan satu alasan lagi bagi permohonannya, iaitu bahawa tertuduh telah mengugut beliau dan telah meminta kawan-kawanya supaya memukul suami beliau. Persoalan yang berbangkit adalah sama ada, mengambilkira autoriti dan peruntukan-peruntukan relevan KTJ, Puan Majistret telah khilaf di sisi fakta dan undang-undang dalam mecapai keputusannya seperti di atas.

Diputuskan (mengenepikan keputusan Majistret, membenarkan permohonan penjamin dan memerintah tertuduh mencari penjamin lain):

(1) Undang-undang mengenai pelepasan penjamin dari bon jaminan ada termaktub di bawah s. 393 KTJ. Antara prinsip undang-undang yang dapat dirumuskan darinya adalah: (i) bahawa permohonan hendaklah dibuat kepada Majistret; (ii) bahawa Majistret tidak boleh melepaskan jaminan tanpa kehadiran orang yang dilepaskan (tertuduh) dan boleh mengeluarkan waran tangkap untuk kehadiran tertuduh di hadapannya; (iii) bahawa penjamin *ipso facto* dilepaskan sebaik tertuduh di bawa ke hadapan Majistret; dan (iv) sebaik permohonan di bawah s. 393 diterima, Majistret tidak mempunyai pilihan melainkan menuruti kehendak peruntukan ini dan soal beliau perlu mendengar permohonan di atas merit tidak berbangkit sama sekali. (perenggan 11)

(2) Seseorang penjamin mempunyai kebebasan sepenuhnya sama ada untuk terus menjadi seorang penjamin atau untuk menarik balik jaminan pada bila-bila masa. Ianya mengikut bahawa sebaik sahaja permohonan oleh seseorang penjamin untuk melepaskan dirinya daripada jaminan dibuat dan diterima oleh mahkamah, menjadi tugas mahkamah untuk menangani permohonan dengan serta merta (to deal with the application then and there). Adalah juga nyata bahawa pemohon berhak untuk dilepaskan tanpa pendengaran atas merit, kerana penjamin tidak dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa alasan selain daripada hasratnya untuk dilepaskan daripada tanggungjawab dan liabiliti seorang penjamin (*Valliamai v. PP; Kanagasavey a/l Sinayah v. PP* (diikuti)). (perenggan 13 & 14)

(3) Puan Majistret khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menolak permohonan penjamin. Dalam halkeadaan kes, Puan Majistret sepatutnya memerintahkan penjamin dilepaskan daripada bon jaminan, mengarahkan tertuduh mencari penjamin lain yang mencukupi dan mengkomitkan tertuduh jika beliau gagal berbuat demikian. Selain itu, alasan yang diberikan Puan Majistret dalam menolak permohonan adalah tidak berlandaskan undang-undang. Jika alasan diperlukan sekalipun, penjamin telah mengemukakan sebab-sebab yang wajar, munasabah dan praktikal mengapa beliau berhasrat untuk menarik balik jaminannya itu. (perenggan 15 & 16)

Kes-kes yang dirujuk:
Fateh Chand v. Emperor AIR [1940] sind 136: 41 Cr LJ 802 ***(dirujuk)***
Kanagasavey Sinayah v. PP [1995] 2 CLJ 598 ***(dirujuk)***
Kundan Lal v. Des Raj Multan Ram AIR [1955] Punj. 51 ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
PP v. Nasrun Effendi [2009] 3 CLJ 388 HC ***(dirujuk)***
R v. Waltham Forest Justices, ex parte Parfrey [1980] Cr LJ 571 ***(dirujuk)***
Rohaya Abdullah & Anor v. PP [2004] 1 LNS 607 HC ***(dirujuk)***
Valliamai v. PP [1962] 1 LNS 205 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 323(1), 393(3), (4)

Bagi pihak penjamin - Hadir sendiri
Bagi pihak pendakwaan - Husmin Hussin TPR

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh PK:

Pendahuluan

[1] Saya telah memanggil rekod prosiding kes ini dikemukakan menurut peruntukan s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) (Disemak – 1999) untuk tujuan memuaskan hati saya tentang kebenaran, kesahihan atau kemunasabahan perintah Puan Majistret, Mahkamah Majistret E, Johor Bahru yang telah menolak permohonan seorang penjamin untuk menarik balik jaminan yang dibuatnya.

[2] Kes ini dibawa ke perhatian saya melalui laporan akhbar, The Star, edisi hari Jumaat, bertarikh 20 Mac 2009 dan sepucuk surat yang ditulis oleh seorang yang menggelar dirinya "An officer-of-the-court" dan dihantar kepada YAA Hakim Besar Malaya, Mahkamah Persekutuan, Istana Kehakiman, Putrajaya. Akhbar The Star melaporkan bahawa Puan Majistret telah menolak permohonan seorang penjamin untuk menarik balik jaminan sejumlah RM3,000 yang dibuatnya terhadap seorang tertuduh yang menghadapi satu tuduhan memiliki dadah berbahaya dan menasihatkan penjamin dan tertuduh supaya menjaga hubungan masing-masing. Surat tersebut pula membuat ulasan bahawa Puan Majistret telah terkhilaf di sisi undang-undang apabila menolak permohonan penjamin berkenaan.

[3] Adalah tidak syak lagi bahawa laporan dan surat ini mencerminkan bahawa masyarakat sekarang memberi perhatian yang serius mengenai apa yang berlaku di mahkamah dan bersikap kritikal terhadap pentadbiran keadilan di negara kita.

[4] Mengenai kuasa-kuasa semakan mahkamah, lihat kes-kes *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 dan *PP v. Nasrun Effendi* [2009] 3 CLJ 388.

Latar Belakang Kes

[5] Berdasarkan rekod kes ini, tertuduh, Mohd Faisal bin Supa'at, telah dituduh dengan satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 di Mahkamah Majistret E, Johor Bahru pada 7 Mei 2008. Tertuduh telah dijamin oleh isteri kepada sepupunya dengan jumlah jaminan sebanyak RM3,000. Pada 19 Mac 2009, kes ini ditetapkan untuk sebutan berhubung dengan pengeluaran waran tangkap dan notis kepada penjamin kerana tidak hadir di mahkamah pada suatu tarikh sebelumnya.

[6] Pada tarikh sebutan tersebut, tertuduh telah memberi penjelasan kepada mahkamah bahawa beliau tidak dapat hadir pada tarikh berkenaan kerana sakit dan sijil cuti sakit telah dikemukakan. Penjamin juga turut hadir. Selepas mendengar penjelasan tertuduh dan penjamin, waran tangkap dan notis kepada penjamin telah dibatalkan dan kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 17 Julai 2009.

[7] Penjamin seterusnya telah membuat permohonan kepada mahkamah untuk menarik balik jaminannya kerana:

(a) Tertuduh selalu mengganggu beliau dan satu laporan polis mengenainya telah dibuat; dan

(b) Tertuduh meminta supaya beliau menyerahkan semua dokumen mahkamah termasuklah bon jaminan di mana beliau menjadi penjamin.

[8] Permohonan penjamin untuk menarik balik jaminannya telah ditolak oleh Puan Majistret. Seterusnya Puan Majistret telah memberi amaran kepada tertuduh dan penjamin supaya menjaga hubungan masing-masing. Puan Majistret juga memaklumkan kepada tertuduh bahawa salinan dokumen-dokumen berkaitan boleh diperolehi daripada mahkamah tanpa perlu beliau mengganggu penjamin. Puan Majistret menegaskan bahawa sesuatu jaminan tidak boleh sewenang-wenangnya ditarik balik kerana tertuduh boleh dikomitkan ke dalam penjara sekiranya tertuduh gagal mendapatkan penjamin yang baru.

Pendengaran Semakan

[9] Pada 7 April 2009, atas notis yang diberikan oleh mahkamah ini, penjamin telah mengemukakan tertuduh di mahkamah. Timbalan Pendakwa Raya terpelajar juga hadir. Penjamin menegaskan sekali lagi hasratnya untuk menarik balik jaminannya. Alasan tambahan yang dikemukakan oleh beliau ialah bahawa tertuduh terus mengugut beliau serta meminta kawan-kawannya untuk memukul suaminya. Tertuduh juga dikatakan menghalang kawan-kawannya untuk menyewa bilik-bilik rumah di mana suaminya tinggal.

Undang-undang Mengenai Penjamin-penjamin Dilepaskan Daripada Bon Jaminan

[10] Seksyen 393 Kanun Tatacara Jenayah membuat suatu peruntukan umum di mana semua atau mana-mana juga penjamin boleh melepaskan dirinya daripada menjadi penjamin tanpa pelepasan tertuduh. Seksyen itu ialah seperti yang berikut:

> **Sureties may apply to have bond discharged**
>
> 393 (1) All or any sureties for the attendance and appearance of a person released on bail may at any time apply to a Magistrate to discharge the bond either wholly or so far as relates to the applicants.
>
> (2) On such application being made the Magistrate shall issue his warrant of arrest directing that the person so released be brought before him.
>
> (3) On the appearance of the person pursuant to the warrant, or on his voluntary surrender, the Magistrate shall direct the bond to be discharged, either wholly or so far as relates to the applicants, and shall call upon that person to find other sufficient sureties, and if he fails to do so may commit him to custody.
>
> (4) A surety may at any time arrest the person for whose attendance and appearance he is a surety and immediately bring him before a Magistrate, who shall then discharge that surety's bond and shall call on that person to find other sufficient surety, and if he fails to do so shall commit him to custody.

[11] Prinsip undang-undang yang dapat dirumuskan daripada s. 393 di atas bolehlah dinyatakan seperti berikut:

(a) Permohonan untuk melepaskan diri daripada menjadi penjamin hendaklah dibuat kepada seorang Majistret dan hanya Majistret sahaja yang boleh mengeluarkan waran tangkap supaya mengarahkan orang yang dilepaskan itu dibawa ke hadapannya,

A mengarahkan penjamin itu dilepaskan dan menyuruh orang itu mencari penjamin lain yang mencukupi dan jika tidak dapat berbuat demikian, tertuduh boleh dikomitkan dalam tahanan. Oleh itu, pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan satu perintah untuk menangkap semula tertuduh
B (lihat kes *Kundan Lal v. Des Raj Multan Ram*, AIR [1955] Punj. 51 at 53);

(b) Seksyen ini tidak membenarkan Majistret untuk melepaskan penjamin sebaik sahaja permohonan dibuat tanpa kehadiran seseorang yang dilepaskan dengan jaminan di mahkamah.
C Majistret hendaklah pertamanya mengeluarkan waran tangkap supaya mengarahkan orang yang dilepaskan dengan jaminan itu dibawa ke hadapannya. Hanya selepas kehadiran orang yang dilepaskan dengan jaminan itu dibawa di hadapannya menurut waran tangkap atau secara sukarela, barulah Majistret boleh
D melepaskan penjamin dan tidak sebelum itu. Pelepasan sebelum itu adalah tidak teratur ('irregular'). (Lihat kes *Fateh Chand v. Emperor* AIR [1940] sind 136: 41 Cr LJ 802);

(c) Apabila tertuduh menyerahkan diri kepada mahkamah atau
E dibawa ke hadapannya mengikut peruntukan seksyen ini, penjamin adalah *ipso facto* dilepaskan;

(d) Apabila terdapat lebih dari seorang penjamin, adalah tidak perlu bagi kesemua penjamin untuk membuat permohonan pelepasan. Hak ini diberikan kepada setiap penjamin secara individu;
F

(e) Adalah perlu diperhatikan bahawa di bawah sub-s. 393(3), apabila tertuduh gagal untuk mencari penjamin lain, Majistret boleh ('may') mengkomitkannya di dalam tahanan. Peruntukan ini nampaknya memberi budibicara kepada Majistret tetapi
G alternatif lain yang terbuka kepada Majistret tidak dicadangkan dalam subseksyen ini;

(f) Mengikut sub-s. 393(4), seseorang penjamin pada bila-bila masa boleh menangkap orang yang dijaminnya untuk hadir dan membawanya dengan segera ke hadapan Majistret; dan
H

(g) Apabila permohonan di bawah seksyen ini telah diterima oleh Majistret, beliau tidak mempunyai pilihan tetapi bertindak mengikut peruntukan s. 393 dan persoalan pendengaran permohonan itu atas merit tidak berbangkit sama sekali.
I Heliliah Mohd Yusof H (sebagaimana beliau ketika itu) berkata dalam kes *Rohaya Abdullah & Anor v PP* [2004] 1 LNS 607:

> This application for a discharge which may be made at any time for whatever reason or for no reason at all than the desire to be relieved from further liability. Little demonstration is needed to prove that the existence of reasons or lack of reasons is immaterial. Under section (393(4)), where the surety arrests with a view to causing a discharge, the court shall discharge without more; and that must mean that no reasons will be asked by the court.
>
> And, therefore, it follows that to infer from the application of discharge that there must be circumstances raising the likelihood of the accused absconding would be wrong.

[12] Kes utama mengenai permohonan seseorang penjamin untuk dilepaskan dari jaminannya ialah kes *Valliamai v. PP* [1962] 1 LNS 205. Fakta ringkas kes ini ialah pihak Perayu telah dua kali pergi ke mahkamah untuk melepaskan dirinya daripada bon jaminan tetapi telah dinasihatkan oleh Pendaftar Mahkamah Sesyen untuk membuat permohonan di mahkamah apabila kes itu dipanggil untuk perbicaraan nanti. Semasa perbicaraan, dia tidak ada peluang untuk membuat permohonannya. Semasa rayuan, Ong H membuat pemerhatian seperti berikut:

> In the first place, I think there has been an oversight by both the learned President and his registrar of s. 393(i) of the Criminal Procedure Code which provides that 'all or any sureties for the attendance and appearance of a person released on bail may at any time apply to a magistrate to discharge the bond either wholly or in part or so far as relates to the applicants'. The Registrar of the Sessions Court is *ex-officio* a gazetted Second Class Magistrate, *vide* Selangor Gazette Notification No 608 of 13 August 1953. The appellant had been twice before the registrar for the purpose of being discharged from her bond – on 18 or 19 December – and again on 20 December – and her application could have been dealt with then and there either by the President, or, if he was not then available, by the registrar. In the next place, and allowing for the oversight, had the registrar only taken a few moments of time to make a note of the application and left it on top of the file when the appellant had asked to be discharged, it could not possibly have escaped the attention of the President and been dealt with when the case came up on 20 and 21 December.
>
> For the above reasons, I am satisfied that sufficient cause had been shown. The order of forfeiture is accordingly set aside and I order that the sum of $2,000 forfeited be returned to the appellant.

[13] Kes di atas selalu dipetik sebagai autoriti oleh keputusan kes-kes yang terkemudian, antara lain, kes *Kanagasavey Sinayah v. PP* [1995] 2 CLJ 598. Aliran sama ("common thread") yang terdapat dalam kes-kes yang telah diputuskan, termasuklah kes *Valliamai v. PP (supra)*, ialah bahawa sebaik sahaja permohonan oleh seseorang penjamin untuk melepaskan dirinya daripada jaminan dibuat dan diterima oleh mahkamah, ia meletakkan suatu tugas kepada mahkamah "to deal with the application then and there" dan pemohon adalah berhak untuk dilepaskan tanpa pendengaran atas merit kerana penjamin tidak dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa alasan selain daripada hasratnya untuk dilepaskan daripada tanggungjawab dan liabiliti sebagai seorang penjamin.

[14] Pada pandangan mahkamah ini, seseorang Majistret perlu menguruskan permohonan seseorang penjamin untuk melepaskan dirinya dari jaminan dengan kadar yang segera tanpa berlengah-lengah kerana seseorang penjamin diberi kebebasan sepenuhnya sama ada untuk menjadi seorang penjamin dan untuk menarik balik jaminan yang dibuatnya pada bila-bila masa. Ini adalah kerana obligasi seseorang penjamin untuk memastikan kehadiran seseorang yang dilepaskan dengan jaminan adalah berat dan tidak boleh dipandang ringan. Dalam kes *R v. Waltham Forest Justices, ex parte Parfrey* [1980] Cr LJ 571, Donaldson CJ dalam menimbangkan obligasi seorang penjamin, membuat pemerhatian yang berikut:

> The obligation entered into by someone who enters into a recognizance as a surety is a very serious obligation indeed. I hope that nothing I say today will suggest the contrary. There is an obligation on a surety to be fully satisfied that he or she can meet the liability which will arise if the accused person does not surrender to his bail. This failure to surrender is not a theoretical possibility, though a surety may think it is. The unhappy event of arrested persons not surrendering happens frequently. There is a real risk. Indeed it is difficult to conceive of a set of circumstances in which a surety can be absolutely sure that the accused will surrender to his bail. So let no one think that is an obligation which can be entered into lightly.
>
> Furthermore, the burden of satisfying a court that the full sum should not be forfeit is a very heavy one, so again let no one think that they can simply appear before the magistrates and tell some hard luck story, whereupon the magistrates will say, 'Well, be more careful in future.' We are not dealing with that character of obligation at all.

Keputusan Mahkamah

[15] Kembali kepada kes di hadapan mahkamah ini. Dengan hormat, mahkamah berpendapat bahawa Puan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau menolak permohonan penjamin untuk dilepaskan daripada jaminannya. Puan Majistret sepatutnya memerintahkan penjamin itu dilepaskan daripada bon jaminnya dan mengarahkan orang itu mencari penjamin lain yang mencukupi dan jika beliau tidak dapat berbuat demikian, beliau boleh dikomitkan dalam tahanan. Persoalan mengenai pengeluaran waran tangkap terhadap tertuduh adalah tidak berbangkit dalam kes ini kerana kedua-dua tertuduh dan penjamin telah sedia berada di hadapannya.

[16] Dalam keadaan demikian, Puan Majistret tidak sepatutnya bertindak sebagai seorang pegawai kaunseling dengan memberikan nasihat kepada kedua-dua pihak untuk menjaga hubungan masing-masing. Alasan Puan Majistret bahawa tertuduh telah dituduh dengan kesalahan yang boleh dijamin dan jaminan tidak boleh sewenang-wenangnya ditarik balik kerana sekiranya tertuduh tidak diberi peluang, dia boleh dikomitkan ke dalam penjara jika gagal mendapatkan penjamin bon adalah tidak berlandaskan undang-undang. Jika alasan diperlukan sekalipun, di mana tidak dikehendaki mengikut undang-undang, penjamin telah mengemukakan sebab-sebab yang wajar, munasabah dan praktikal mengapa beliau berhasrat untuk menarik balik jaminnya.

[17] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah dengan ini memerintahkan supaya keputusan Puan Majistret yang menolak permohonan penjamin untuk melepaskan dirinya dari bon diketepikan dan selanjutnya diperintahkan bahawa permohonan tersebut dibenarkan. Tertuduh adalah dikehendaki mendapatkan seorang penjamin lain yang mencukupi dan jika tidak dapat berbuat demikian ia akan dikomitkan dalam tahanan. Selepas keputusan tersebut dibuat oleh mahkamah, tertuduh dengan segera memaklumkan kepada mahkamah bahawa ibunya bersedia untuk menjadi penjamin yang baru dengan amaun jaminan yang sama iaitu RM3,000.